



فجابة فُثّاره تانه دان گالین ترڠڬانو.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,

TERENGGANU,

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax. : 09-6229887
3100 – 3115

3



PTG. TR. G/05/1988/06/06 (3)

(O) J'Awal 1424

(O) Julai 2003

Pentadbir Tanah
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
KEMAMAN.

Pentadbir Tanah
DUNGUN.

Pentadbir Tanah
BESUT.

Pentadbir Tanah
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
MARANG.

Pentadbir Tanah
SETIU.

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 3/2003

KAWALAN KEATAS HAKMILIK BAGI PETAK-PETAK PECAHAN YANG TELAH DIPERSETUJUI UNTUK KEGUNAAN AWAM DALAM URUSAN PECAH SEMPADAN DI BAWAH SEKSYEN 135 DAN PERMOHONAN SERENTAK PECAH SEMPADAN DAN PENGUBAHAN JENIS PENGGUNAAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 124A KANUN TANAH NEGARA

1. TUJUAN:

Arahan ini dikeluarkan bertujuan mengawal penggunaan petak-petak pecahan untuk kegunaan awam dalam urusan pecah sempadan dan permohonan serentak, pecah sempadan dan pengubahan jenis penggunaan tanah di bawah seksyen 135 dan 124A Kanun Tanah Negara.

2. **LATARBELAKANG:**

- 2.1. Adalah menjadi amalan dan kewajipan Pentadbir Tanah mendaftarkan suatu hakmilik sambungan samada hakmilik sementara atau Hakmilik Kekal di bawah Seksyen 178 atau di bawah Seksyen 192 Kanun Tanah Negara, selepas kelulusan sesuatu permohonan dan tuntutan bayaran mengenainya disempurnakan.
- 2.2. Hakmilik sambungan didaftarkan mengikut suatu kategori penggunaan tanah yang diluluskan, termasuklah petak-petak cadangan kegunaan awam, seperti tapak pencawang elektrik, tapak surau, kawasan lapang dan lain-lain.
- 2.3. Semasa hakmilik keluaran dikeluarkan, sepatutnya tuan punya tanah berkenaan membuat penyerahan balik di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara. Tetapi ada diantara tuan punya tanah enggan berbuat demikian.
- 2.4. Disebabkan tanah dalam persoalan didaftarkan dengan kategori 'Bangunan', didapati terdapat tuan punya tanah telah mengurusniaga untuk mendapat keuntungan dan membangunkannya secara berlawanan dengan pelan kelulusan perancangan asal.

3. **KAWALAN KEATAS HAKMILIK SAMBUNGAN PETAK-PETAK UNTUK KEGUNAAN AWAM**

- 3.1. Bagi mengawasi dan mengawal penyalahgunaan petak-petak yang dikhaskan untuk kegunaan awam daripada diurusniaga dan dibangunkan secara berlawanan dengan tujuan asal, adalah diharapkan hakmilik bagi petak-petak pecahan untuk kegunaan awam dimasukkan "**KAVEAT PENDAFTAR (REGISTER CAVEAT)**" di bawah Seksyen 320 Kanun Tanah Negara.
- 3.2. Unit Pendaftaran dinasihatkan menyediakan Borang 12A (Seksyen 197) yang lengkap sebelum hakmilik sambungan untuk kegunaan awam diserahkan kepada tuan punya.
- 3.2. Sekiranya tuan punya tanah enggan menyerah balik sebagaimana yang dinyatakan di atas, Kaveat Pendaftar (Register Caveat) hendaklah dimasukkan di bawah seksyen 320 Kanun tanah Negara, iaitu dengan menggunakan Borang 19F.

4. **PEMAKAIAN:**

- 4.1. Arahan ini telah dibentangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat Pentadbir-pentadbir Tanah Negeri Terengganu kali 2/2003 pada 27 Mei 2003.
- 4.2. Ianya hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 2/1987.


5. **TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini hendaklah berkuatkuasa mulai pada tarikh dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“ MEMBANGUN MENURUT ISLAM ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR)
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan
Terengganu.

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
(Pendaftaran)
Terengganu.

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
(Khidmat Pengurusan)
Terengganu.

Penolong Pengarah Tanah dan Galian
(Pendaftaran)
Terengganu.

Penolong Pengarah Tanah dan Galian
(Ambil Balik, Hasil dan Saguhati)
Terengganu.

Penolong Pengarah Tanah dan Galian
(Pelupusan Tanah)
Terengganu.

Penolong Pengarah Tanah dan Galian
(Kuatkuasa dan Galian)
Terengganu.

Pegawai Sistem Maklumat
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Penolong Pegawai Sistem Maklumat
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Pegawai Eksekutif Kanan
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Penolong Pegawai Tanah (NT 32)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Pegawai Eksekutif (Pendaftaran)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Pegawai Eksekutif (Pembangunan Tanah)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Pegawai Eksekutif (Hasil)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Pegawai Eksekutif (Galian dan Pemastautin Tanpa Hak)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Pembantu Tadbir Kanan (Pendaftaran)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Pembantu Tadbir Kanan (Pentadbiran dan Kewangan)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Pembantu Tadbir Kanan (Pelupusan Tanah)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Pembantu Tadbir Kanan (Ambil Balik, Hasil dan Saguhati)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Penolong Pegawai Tanah (NT 22)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Pembantu Tadbir (Pendaftaran)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Fail Timbul.